

04/08/1997

Hasilkan filem bertema kemanusiaan

Bakhari Ariff

PETALING JAYA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pengusaha filem di negara ini menghasilkan filem bertemakan kemanusiaan supaya filem itu dapat menjangkau pasaran antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan pembikinan filem di negara ini hanya berkisar kepada kisah percintaan, sedangkan di peringkat antarabangsa, filem yang kerap memenangi anugerah biasanya bertemakan kemanusiaan.

"Kalau kita lihat filem yang memenangi anugerah perfileman peringkat antarabangsa, pengusahanya tidak memilih cinta sebagai tema utama mereka dan kebanyakan yang menang memaparkan tema kemasyarakatan yang serius.

"Filem seperti Forrest Gump dan The English Patient bukan saja bersifat kemanusiaan tetapi juga memberikan komentar sosial.

"Kejayaan filem itu bukan setakat memenangi anugerah tetapi terus hangat diperbincangkan masyarakat," katanya ketika merasmikan majlis makan malam sempena 23 tahun Persatuan Seniman Malaysia (Seniman) di sebuah hotel di sini, malam ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik; dan Presiden Seniman, Datuk Ismail Hutson.

Pada majlis itu juga, Seniman menerima cek bernilai RM210,000 sumbangan syarikat Harta Bakti Sdn Bhd (RM100,000); Procter & Gamble (M) Sdn Bhd (RM60,000) dan bank Standard Chartered (RM50,000).

Beberapa artis tempatan dari empat zaman iaitu 60-an, 70-an, 80-an dan 90-an membuat persembahan menghiburkan penonton yang meliputi karyawan dan segenap lapisan masyarakat.

Dr Mahathir berkata, pembuat filem juga perlu mencari kekuatan melalui budaya tempatan dengan mengambil tema kemasyarakatan.

"Kita tidak perlu meniru filem olahan Barat kerana kalau kita lihat di Festival Filem Cannes pada Mei lalu, filem keluaran negara bukan Barat iaitu The Taste of Cherry dari Iran berjaya memenangi anugerah tertinggi.

"Sedangkan filem itu hanya mengisahkan seorang manusia yang mencari 'kehalusan budi manusia'," katanya.

Perdana Menteri berkata, filem keluaran negara ini boleh juga diwajahkan dengan wajah Malaysia sendiri agar dapat memperkenalkan Malaysia di mata dunia.

Beliau juga meminta syarikat filem mengikis sikap yang menganggap dunia 'berhutang' kepada mereka termasuk mengikis mentaliti 'kerajaan dan semua orang berhutang kepada mereka'.

"Kita tidak boleh menuntut kerajaan mengikut kehendak kita, sedangkan kerajaan sudah menyediakan pelbagai kemudahan dan insentif," katanya.

Menurutnya, pengusaha filem perlu mencari pasaran yang lebih luas dengan memanfaatkan multimedia dalam membuat filem.

Katanya, seseorang itu perlu menjadi usahawan yang berjaya untuk membikin filem yang berjaya dan bermutu kerana dalam perniagaan juga perlu ada teknik untuk berunding.

"Begitulah juga dengan filem. Filem Hollywood mengetuai industri ini di seluruh dunia bukan kerana semata-mata belanjawan yang besar, tetapi lebih kerana pemasaran yang cukup agresif dan meluas ke seluruh pelosok dunia," katanya.

(END)